

**REGENERASI MASYARAKAT MALAYSIA
SATU TEKAD WANITA**

UCAPAN

**YB SENATOR DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL
KETUA PERGERAKAN WANITA UMNO MALAYSIA
PADA PERHIMPUNAN AGUNG
PERGERAKAN WANITA UMNO 2009
14 OKTOBER 2009**

Bismilahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berbahagia Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita UMNO Malaysia
Tan Sri Napsiah Omar

Yang Berhormat Timbalan Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita UMNO
Senator Dato' Sharifah Aminah Syed Ahmad

Yang Berhormat dan Yang Berbahagia Ahli-Ahli Majlis Tertinggi

Yang Berbahagia Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia
Dato' Kamalia Ibrahim

Yang Berhormat, Yang Berbahagia Ahli-Ahli Exco Pergerakan Wanita
UMNO

Para Perwakilan

Dif-dif jemputan, pemerhati, para hadirin yang dirahmati Allah S.W.T.

Alhamdulillah, segala puji dan kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. Dengan izinNYA dapat kita bersama-sama berhimpun di pagi yang mulia ini untuk bersidang mengikut perlembagaan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabat Baginda.

Sempena ucapan sulung saya selaku Ketua Wanita UMNO Malaysia, saya mohon petunjuk dan perlindungan dari Allah S.W.T. dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh keberkatan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan dan mengucapkan Selamat Datang ke Perhimpunan Agung Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 2009 dan Selamat Hari Raya Aidilfitri maaf zahir dan batin kepada semua perwakilan, pemerhati dan ahli Wanita UMNO serta para hadirin sekalian.

Alhamdulillah, pada Perhimpunan Agung UMNO Mac 2009 yang lalu, ahli-ahli UMNO telah melaksanakan tanggungjawab dan meneruskan tradisi demokrasi mengikut perlembagaan dengan mengadakan pemilihan pucuk pimpinan dalam parti di semua peringkat termasuklah ketiga-tiga sayapnya. Negara dan parti cukup bertuah kerana peralihan jawatan di

peringkat perdana serta pemilihan-pemilihan di peringkat lain termasuk Pergerakan Wanita UMNO, berjalan dengan amat baik, lancar dan teratur.

Saya bagi pihak Wanita UMNO mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi, Presiden UMNO keenam di atas perjuangan dan sumbangan kepada agama, bangsa dan negara. Jasa dan bakti beliau sentiasa dikenang dan tercatat di dalam lipatan sejarah Malaysia.

Kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang telah dipilih sebagai Presiden UMNO ketujuh, Wanita UMNO ingin merekodkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas kepercayaan dan amanah yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri untuk memimpin parti dan kerajaan.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib mempunyai kewibawaan, kebijaksanaan dan pengalaman untuk memimpin UMNO selaku Presidennya dan kerajaan selaku Perdana Menteri Malaysia. Wanita UMNO yakin, barisan saf kepimpinan Dato' Sri Presiden dengan disokong oleh Timbalan Presiden, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin

akan mampu untuk mengembalikan kekuatan dan keunggulan UMNO sebagai parti yang menjadi pilihan rakyat, parti yang menunjang kerajaan dan parti yang akan membawa Barisan Nasional ke arah kemenangan pilihan raya ke-13 kelak. Ini jelas dengan trend sokongan rakyat kepada UMNO dan Barisan Nasional telah mula meningkat di beberapa pilihan raya kecil sejak tsunami politik Mac 2008 dan telah benar-benar melonjak pada pilihan raya kecil N31 Bagan Pinang pada 11 Oktober yang lalu. InsyaAllah UMNO dan rakyat berpisah tiada.

Buat permulaan, selaku Perdana Menteri Malaysia, Gagasan 1Malaysia yang menekan dan menegaskan konsep “**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan,**” telah menjadi pencetus obor perjuangan Dato’ Sri Najib supaya kepentingan rakyat, kesejahteraan rakyat, kebajikan rakyat, kemakmuran rakyat dan pembangunan rakyat diberi keutamaan.

Pergerakan Wanita UMNO berdiri teguh bersama Yang Amat Berhormat Presiden. Kesetiaan, komitmen, kesepaduan dan kemufakatan kita akan memberi kekuatan kepada Presiden dan saf kepimpinan beliau dalam mengatasi segala cabaran dan rintangan seperti kata pepatah “**Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat**”.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

Masa begitu pantas berlalu. Pejam celik, usia UMNO sudah 63 tahun dan Pergerakan Wanita UMNO menjangkau 60 tahun. Kepada semua pemimpin dan pejuang Wanita UMNO, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga. Perjuangan mereka terpahat dalam sejarah pertiwi. Jasa dan pengorbanan disanjung tinggi.

Puan Sri Hajah Putih Mariah Ibrahim Rashid, Tan Sri Ibu Zain, Ibu Khatijah Sidek, Tun Fatimah Hashim, Tan Sri Aishah Ghani, Dato' Sri Dr. Siti Zaharah Sulaiman dan Tan Sri Rafidah Aziz adalah di antara srikandi negara ini.

Kepada Yang Berhormat Tan Sri Rafidah, saya bagi pihak Wanita UMNO sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih yang tak terhingga di atas kepimpinan dan perjuangan Yang Berhormat bersama-sama Wanita UMNO. Jasa dan sumbangan Yang Berhormat Tan Sri sama ada dalam parti mahupun kerajaan akan menjadi dokumentasi sejarah negara dan sudah pasti menjadi sanjungan kami.

Walaupun pemimpin silih berganti

Warisan ibunda amat dihormati

Jasa dan pengorbanan disanjung tinggi

Terpahat selama-lamanya di dalam hati

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Pada tanggal 25 Mac 2009, saya telah diberi amanah, tugas dan tanggungjawab untuk memimpin Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Hari ini mengikut rekod Ibu Pejabat UMNO, keahlian wanita ialah seramai 1,352,692. Keahlian ahli UMNO ialah seramai 3,477,408 orang. Sesungguhnya ini adalah satu jumlah yang amat ketara dan signifikan kerana ianya adalah hampir 40% daripada jumlah keseluruhan ahli UMNO. Justeru itu, saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya sebagai ketua dan bersama-sama puan-puan kita akan menentukan Wanita UMNO akan menjadi penggerak utama di dalam UMNO dan juga untuk wanita, keluarga dan masyarakat Malaysia.

Saya telah menjadi ahli UMNO sejak 25 tahun yang lalu. Saya amat memahami tuntutan ke atas jawatan seorang ketua. Harapan dan kepercayaan puan-puan kepada saya akan dijadikan azimat untuk saya menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan tegas, berdisiplin, amanah dan berintegriti. Bersama-sama dengan Dato' Kamilia Ibrahim, Naib Ketua Wanita UMNO Malaysia, barisan pegawai-pegawai dan ahli-ahli Exco Pergerakan Wanita UMNO Malaysia serta dengan kerjasama dan sokongan puan-puan dan semua ahli Wanita UMNO, sebagai satu suara dari satu keluarga yang kuat permuafakatannya, bersatu padu di antara kita, ikhlas dalam perjuangan, maka bersama-sama dengan kaum bapa, kita akan membina semula kekuatan UMNO di dalam landskap politik alaf ini yang begitu menarik sekali. Dan saya yakin Allah S.W.T. akan sentiasa bersama-sama kita.

Para hadirin sekalian,

Dalam milenium baru ini, di merata dunia parti-parti politik dan kepimpinannya terpaksa mengambil kira perubahan ketara yang berlaku, jika mahu terus relevan dan berkuasa. Melalui putaran zaman, manusia, keluarga, komuniti dan bangsa sesebuah negara itu telah berubah. Ianya

bukan setakat berlaku di hadapan dan sekeliling kita, malahan ianya telah, sedang dan akan berlaku di seluruh dunia. Perubahan kepada sistem, tuntutan, caragaya dan amalan ekonomi, politik, sosial, pendidikan, budaya termasuk elemen personaliti juga telah berubah. Ini jelas dilihat wujud di Amerika Syarikat dengan perubahan berkaitan Obamaism, China dan India dengan dasar berdaya saing dan terbuka, Afrika dengan perubahan berkaitan pakatan serantau, Jepun dengan perubahan kepimpinan, Eropah dengan idea-idea kesatuan dan penyatuan dan di Malaysia perubahan minda dan sikap rakyatnya terhadap jati diri, patriotisme, kenegaraan, hak-hak dalam perlembagaan, kepemimpinan dan kerajaan itu sendiri.

Perubahan yang berlaku di seluruh dunia telah dan sedang menular ke tanah air kita sendiri. Tsunami pilihan raya 2008 menjadi satu kejutan kepada negara. Kita dapat lihat pengundi yang sudah berubah minda dan pemikiran, cita rasa, aspirasi mahupun budaya sosio-politik mereka. Ini jelas dengan keputusan tsunami politik 2008 di mana daripada kemenangan 91% yang dikecapi oleh Barisan Nasional daripada keseluruhan kawasan Parlimen pada 2004; kita hanya berjaya dan mampu mencatat sekitar 63% sahaja pada tahun 2008. Daripada 222 kerusi, yang mendasari asas kekuatan UMNO/Barisan Nasional – kita hanya mendapat

140 kerusi. Majoriti dua pertiga terhakis. Kita juga kalah di beberapa buah negeri.

Generasi rakyat Malaysia telah berubah. Banyak kejayaan yang dicapai, banyak juga bibit-bibit yang amat membimbangkan. Pentas dan gelanggang sosio-politik Malaysia menghadapi pelbagai perubahan, evolusi dan dugaan. Tiap-tiap hari kita dapat lihat pelbagai tingkah laku, tutur kata, tabiat, etika yang mencemaskan. Kelunturan nilai-nilai positif yang murni dan mulia mula memberi impak negatif kepada masyarakat. Usaha untuk memecahbelahkan rakyat, cubaan untuk menghapus dan menghakis hak-hak dan institusi yang termaktub dalam perlembagaan dan galakan unsur-unsur budaya negatif seperti kurang hormat kepada orang lain terutama yang tua, demonstrasi jalanan, kebiadaban di dalam Parlimen, jeritan di pentas politik dan huru-hara di tempat awam, jika tidak dibendung akan menjadi kebiasaan.

Di sebalik pelbagai kejayaan yang dicatat oleh bangsa Melayu dalam bidang pendidikan, ekonomi, profesional, sains, termasuklah kejayaan kita menghantar seorang anak Melayu ke angkasa lepas, kita mesti berani menghadapi kenyataan bahawa kita sebagai satu bangsa berada di

persimpangan yang amat merbahaya sama ada dalam aspek politik, ekonomi, sosial mahupun peradaban. Kita mudah termakan dengan sajian spiritual dan rohani yang membimbangkan.

Dalam aspek politik, kita telah benarkan diri kita dipecahbelahkan oleh pihak pembangkang, mudah sangat bangsa Melayu dibuai dengan kata manis dan janji palsu, sehingga sanggup kita menggadai agama kita, bangsa kita dan negara kita. Kita membisu bila dicabar dan membuta bila diserang. Pembangkang di negara kita gagal memainkan peranan yang konstruktif sebaliknya amat sinonim dengan peranan, tugas dan cara kerja yang destruktif.

Kita juga menghadapi hakisan dalaman diri yang kian luntur kesan ketiadaan jati diri. Ternyata jiwa juang yang diasah dahulu, telah bertukar menjadi jiwa yang kian lemah; jiwa yang diajar untuk cintakan kesatuan dahulu telah menjadi nafsu yang menyukai persengketaan dan kehancuran. Kita yang dahulunya diajar untuk cintakan ilmu kini alpa dengan keseronokan; kita yang dahulunya diajar menggunakan bahasa yang lunak dan susun kata yang cantik lagi indah, kini menjadi pengguna bahasa yang kesat dan tutur bahasa yang penuh dengan cacian. Jika kita

tidak mengambil iktibar dan bersikap enteng terhadap ‘siren’ amaran bahawa kita mesti berubah kepada cara gaya, amalan dan nilai murni seperti permuafakatan, kesatuan, kekeluargaan, kekitaan dan keeratan, maka hala tuju kita, aspirasi kita, perjuangan kita dan nasib hidup kita boleh diibaratkan seperti **telur di hujung tanduk; ikan di gigi air; atau embun di hujung rumput**. Bahaya dan akan hilang pada bila-bila masa.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Memandangkan landskap politik negara telah berubah sama sekali maka kita tidak boleh terus bernostalgia dengan kejayaan lampau tanpa mencipta kejayaan-kejayaan baru. Sebagai pemimpin-pemimpin sebuah parti siasah yang banyak berjasa kepada negara sejak kemerdekaan lagi dan jika ingin kekal relevan selari tuntutan zaman, kita tidak boleh hidup dengan hanya bertunjangan jasa-jasa semalam. Kita belajar daripada sejarah atau dendangan kisah silam. Puan-puan, kita selaku pemimpin dituntut untuk kuatkan semangat mengorak langkah ke hadapan menyahut tuntutan hari ini dan merancang untuk hari muka, mencipta kegemilangan dan membentuk permuafakatan yang jitu, kental dan utuh.

Apa yang perlu kita buat? Walaupun perahu masih di air dan dayung masih di tangan, dayung perlu digerakkan lebih kuat agar perahu belayar lebih laju dan gagah. Maka dengan itu, saya ingin menyeru dan meniup semangat kebangkitan semula pejuang, aktivis, serikandi wanita untuk mara ke hadapan dan bersama-sama Presiden parti membantu memupuk semula peradaban orang Melayu yang lebih berdisiplin, berwawasan, berintegriti, inovatif, kreatif, progresif, dinamik dan mampu menyumbang untuk memastikan kemenangan besar UMNO dan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum. InsyaAllah.

Wahai Pejuang Bangsa, Serikandi Negara,

Sesungguhnya Wanita UMNO mesti berani dan bersemangat untuk tampil ke hadapan menjadi penggerak dan pemangkin kepada proses penjanaan jati diri dan membina semula kekuatan bangsa Melayu di milenium ini. Kita boleh menempa kejayaan kerana orang Melayu mempunyai sifat-sifat yang mudah dibentuk kepada kecemerlangan, keunggulan dan kebaikan jika diolah dengan bijaksana. Wanita UMNO selaku ibu kepada rakyat Malaysia mesti kembali kepada tugas pembangunan dan perkembangan keluarga yang asas iaitu mendorong, mendidik, membimbing, memupuk,

mengolah dan mentarbiah generasi yang berkualiti dan berperadaban tinggi. Sesungguhnya ibu itu adalah madrasah bagi setiap anak, dan anak itu adalah amanah Allah kepada kita. Justeru, saya mahu mengajak seluruh wanita kembali kepada fitrah yang tulus lagi ikhlas ke arah regenerasi masyarakat. Gesaan dan harapan ini amat relevan dengan pusingan generasi UMNO sendiri yang kini memasuki kitaran generasi ketiga. Generasi pertama adalah generasi datuk nenek kita yang memperjuangkan dan mengisi kemerdekaan; generasi kedua adalah era membangunkan negara; dan kini tiba kitaran generasi ketiga membina impian dan mengorak langkah ke arah memartabatkan ketamadunan dan kegemilangan bangsa Melayu dan rakyat Malaysia ke arah menjadi insan global yang unggul dan dihormati.

Puan-puan dan tuan-tuan,

Hari ini hasil perjuangan UMNO dan Barisan Nasional, wanita Malaysia berada di satu tahap yang membanggakan. Peningkatan akses kepada pendidikan, peluang pekerjaan dan perubahan sosio-budaya di kalangan masyarakat telah membolehkan wanita bergerak progresif dan berpeluang untuk menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara. Ini

diperkukuhkan lagi dengan sokongan Kerajaan yang sentiasa mengambil berat tentang isu dan kepentingan wanita serta mengiktiraf wanita selaku **'rakan pembangunan negara'** (partners in national development).

Di antaranya ialah kewujudan bab khusus mengenai **"Wanita dan Pembangunan"** di bawah **Rancangan Malaysia Keenam** sehingga **Rancangan Malaysia Kesembilan**. Kewujudan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Pindaan **Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan** dengan memasukkan perkataan 'gender' bagi menghalang daripada berlakunya diskriminasi berasaskan gender. Pelbagai undang-undang dan peraturan telah dipinda berikutan dengan Pindaan Perlembagaan.

Namun begitu, ledakan teknologi maklumat, proses globalisasi, transformasi politik serta perubahan iklim ekonomi baik di peringkat nasional mahupun global memberikan pelbagai bentuk cabaran baru untuk wanita Malaysia. Antara cabaran utama yang dihadapi wanita adalah:-

Pertama, kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh masih rendah. Statistik terkini menunjukkan kadar penyertaan wanita di negara dalam sektor pekerjaan adalah pada kadar **45.7 peratus** jika dibandingkan dengan peratusan tenaga kerja wanita di negara lain yang mencecah sehingga **70 peratus**;

Kedua, isu pembangunan ekonomi wanita dan isu kemiskinan terutama di kalangan isi rumah yang diketuai oleh wanita termasuk ibu tunggal di bandar dan luar bandar;

Ketiga, masih terdapat undang-undang dan peraturan yang dianggap mendiskriminasikan wanita walaupun secara tersirat;

Keempat, peningkatan kes keganasan terhadap wanita termasuk keganasan rumah tangga, rogol, sumbang mahram, pencabulan dan gangguan seksual di tempat kerja;

Kelima, risiko yang lebih tinggi dihadapi oleh wanita terhadap isu-isu kesihatan masa kini seperti kanser dan HIV/AIDS; dan

Keenam, tahap wanita di peringkat pembuat keputusan terutama dalam bidang politik dan korporat masih rendah.

Selaras dan seiring Dasar Wanita Negara 2009 dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, saya dengan ini ingin memaklumkan bahawa di dalam pemetaan agenda Wanita UMNO Malaysia, kita akan memberi tumpuan kepada 13 sektor utama iaitu:-

- i) Ekonomi;
- ii) Kemiskinan;
- iii) Undang-Undang;
- iv) Keganasan terhadap wanita;
- v) Kesihatan;
- vi) Pendidikan dan latihan;
- vii) Sains dan teknologi;
- viii) Wanita dalam pembuat keputusan;
- ix) Mekanisme, jentera dan institusi pembangunan wanita;
- x) Media;
- xi) Alam sekitar;
- xii) Sukan; dan

xiii) Kebudayaan, kesenian dan warisan.

Daripada 13 sektor utama ini pengkhususan dan fokus akan diberikan kepada 3 isu yang memerlukan perhatian secepat mungkin iaitu:-

Pertama: Wanita dan Undang-Undang Syariah

Undang-undang Syariah merupakan sebahagian ketetapan kehidupan dalam Islam tanpa membezakan bangsa, warna kulit dan gender. Islam juga mementingkan hak-hak kemanusiaan, termasuk keadilan dan kesaksamaan terhadap wanita. Dengan adanya undang-undang Syariah yang lengkap dan menyeluruh seperti yang ada sekarang ini, wanita di Malaysia mempunyai ruang dan peluang menuntut hak mereka di samping untuk maju ke hadapan.

Walaupun undang-undang Syariah sedia ada bercirikan keadilan dan kesaksamaan, namun pelaksanaannya menimbulkan pelbagai masalah yang memudaratkan wanita. Kes-kes seperti perceraian, tuntutan fasakh, tuntutan perceraian taklik dan tuntutan nafkah serta tuntutan penjagaan anak yang tertunggak lama memberi kesan negatif kepada wanita.

Masalah ini lebih dirasakan oleh ibu-ibu tunggal dan ibu yang ditinggalkan yang semata-mata bergantung kepada pemberian nafkah daripada bekas-bekas suami.

Statistik kes mal di mahkamah Syariah sepanjang tahun 2005-2008 menunjukkan bilangan kes dalam prosiding yang agak tinggi iaitu 5,350 kes (41%) daripada 12,839 kes tuntutan fasakh; 16,308 kes (41.3%) daripada 39,474 kes tuntutan perceraian; dan 7,734 kes (54.1%) daripada 13,557 kes tuntutan pengesahan cerai taklik. Bilangan kes yang tinggi ini jelas menunjukkan wujud masalah dalam pelaksanaan undang-undang Syariah.

Bagi menjamin hak wanita dilindungi sepenuhnya, pihak-pihak berwajib terutama pihak mahkamah hendaklah lebih serius dan prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan kaum wanita dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang Syariah. Undang-undang yang ada perlu dikuatkuasakan dengan tegas dan serius. Umpamanya, waran tangkap hendaklah dikeluarkan kepada mereka yang engkar perintah

mahkamah Syariah sama ada tidak menghadirkan diri semasa perbicaraan ataupun engkar membayar nafkah.

Masalah pentadbiran seperti perintah mahkamah yang tidak dapat dilaksanakan di negeri lain juga memberi kesan negatif kepada kaum wanita. Justeru, tibalah masanya bagi kerajaan-kerajaan negeri mempertimbangkan penyeragaman pentadbiran undang-undang keluarga Islam. Dengan adanya penyeragaman ini, penyelesaian kes-kes keluarga dapat dipercepatkan dan ditangani dengan lebih berkesan.

Kedua: Pengupayaan Ekonomi Wanita

Dalam tempoh 1990-2008, kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh tidak berganjak pada jajaran 44% hingga 47%. Di negara-negara maju, kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh jauh lebih tinggi berbanding Malaysia. Umpamanya United Kingdom 69.7%, Amerika Syarikat 69.2%, Australia 68.4%, Jerman 66.9%, Jepun 60.8% dan Korea Selatan 54.5%. Dilihat dari segi nisbah antara lelaki dan wanita dalam pasaran buruh pula,

nisbahnya adalah 64:36. Keadaan ini tidak selari dengan pencapaian pendidikan wanita di peringkat tertiar yang telah mengatasi lelaki pada nisbah 60:40 sejak awal tahun 1990an.

Penyertaan yang rendah ini bukan kerana wanita tidak memasuki pasaran buruh, tetapi kerana wanita yang sedia ada keluar daripada pasaran buruh lebih awal. Kajian yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menunjukkan bahawa 55.0% wanita menyatakan sebab utama berhenti kerja adalah untuk mengurus rumah tangga, menjaga anak atau menjaga ahli keluarga. Terdapat juga pegawai-pegawai wanita di sektor awam yang memilih untuk bersara awal atas alasan menjaga anak atau menjaga ahli keluarga yang lanjut usia dan yang sakit. Keadaan ini jika tidak dibendung akan merugikan bukan sahaja wanita tetapi juga negara kerana tenaga buruh yang ada tidak dapat dioptimumkan. Justeru, isu keseimbangan tanggungjawab antara kerjaya dan keluarga (*work-life balance*) hendaklah dijadikan agenda utama Wanita UMNO.

Para majikan sama ada di sektor awam mahu pun swasta hendaklah lebih serius dalam usaha menyediakan kemudahan penjagaan anak kepada pekerja. Pada masa ini, kemudahan penjagaan anak di tempat kerja masih lagi tidak mencukupi. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, hanya 13.3% daripada 60 syarikat yang disoal selidik menyediakan kemudahan TASKA. Ketidaksuaian tempat kerja untuk menubuhkan TASKA bukanlah alasan kerana usaha boleh dibuat untuk menubuhkan TASKA di kawasan perumahan tempat tinggal pekerja.

Para majikan juga hendaklah mempertingkatkan cara pengurusan kerja yang fleksibel. Waktu kerja anjal, bekerja dari rumah dan *teleworking* hendaklah diamalkan secara lebih meluas. Walau bagaimanapun, cara kerja alternatif ini tidaklah seharusnya terhadap kepada pekerja wanita. Bagi ahli keluarga pula, persepsi dan minda hendaklah diubah. Dalam keadaan sekarang, tugas menguruskan keluarga bukan tugas dan tanggungjawab wanita semata-mata. Malah ia juga adalah tanggungjawab bersama semua ahli keluarga tanpa mengira gender. Nilai ini perlu diterapkan dalam institusi keluarga khususnya kepada anak-anak daripada peringkat awal lagi.

Wanita juga mesti mempunyai keupayaan dari segi ekonomi atau *economically independent*. Dengan adanya keupayaan tersebut, wanita mampu berdikari dan tidak hanya bergantung kepada orang lain, terutama jika sesuatu musibah terjadi dalam keluarga. Keusahawanan merupakan satu bidang yang berpotensi untuk diceburi sebagai menjana pendapatan. Walaupun bidang ini mempunyai banyak risiko, kaum wanita mesti berani mengambil risiko dan menghadapi cabaran-cabaran dalam dunia perniagaan untuk mendapatkan pulangan yang lumayan. Justeru, kaum wanita mesti melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perniagaan dan keusahawanan yang sangat mencabar. Kepada usahawan wanita yang telah berjaya, mereka hendaklah menjadi mentor kepada mereka yang baru menceburi bidang ini supaya dengan bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan akan menjadikan mereka lebih kompetitif dan turut mencapai kejayaan. Saya berharap usahawan wanita sama-sama berkongsi kebolehan dan pengalaman dan tidak seharusnya ada sikap dengki mendengki diantara satu sama lain. Rebutlah peluang yang ada, yang disediakan oleh Kerajaan atau mana-mana badan, untuk mengembang dan meluaskan rangkaian perniagaan. Usahawan wanita juga harus kental semangat dan tidak gentar untuk menerokai pasaran antarabangsa.

Ketiga: Kepimpinan Wanita

Dalam bidang politik, perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan di semua tahap masih lagi rendah. Melihat kepada statistik, wanita Malaysia masih jauh daripada tahap 30%. Kita amat menyokong bahawa pelantikan atau pemilihan wanita ke jawatan pembuat keputusan perlu berasaskan kebolehan individu iaitu dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran, personaliti dan sebagainya. Namun, dalam masa yang sama, kepimpinan di peringkat tertinggi hendaklah mencerminkan keahlian dalam sesebuah parti politik.

Umpamanya bilangan wanita sebagai ahli UMNO (termasuk ahli Puteri) adalah seramai 1.68 juta orang atau 48.3%. Namun, bilangan wanita yang menduduki Majlis Tertinggi hanya 6 orang atau 11.8% sahaja. Begitu juga di peringkat negeri, bahagian dan cawangan di mana perwakilan wanita masih lagi kecil iaitu sekadar “mewakili Wanita UMNO”, bukannya “mewakili UMNO”. Pemimpin wanita seharusnya diberi peranan sebagai pemimpin arus perdana UMNO bukan hanya mewakili sayap tertentu.

Pemimpin-pemimpin politik wanita juga perlu mengubah sikap dan tidak melihat diri semata-mata layak memimpin di peringkat sayap wanita sahaja. Wanita perlu menampilkan kewibawaan kepemimpinan yang menunjukkan wanita layak dan kompeten untuk dilantik memegang jawatan utama dalam parti induk. Oleh itu, sudah sampai masanya wanita keluar daripada pemikiran sebagai pemimpin Wanita UMNO sahaja. Kita perlu berfikir di luar lingkungan Wanita UMNO dan mengorak langkah serta bertindak bagi mendapat pengiktirafan terhadap peranan dan sumbangan yang diberikan selama ini.

Hasrat ini tidak mustahil menjadi kenyataan memandangkan daya kepimpinan dan daya juang yang tinggi yang ditunjukkan oleh pemimpin wanita dalam UMNO. Justeru, pucuk pimpinan perlu memberi peluang dan ruang yang sama untuk wanita dilantik atau dipilih sebagai pemimpin di peringkat tertinggi parti. Di kalangan wanita pula harus ada keyakinan dan hendaklah memberi sokongan padu terhadap kepimpinan wanita. Sokongan yang diberi bukan kerana mereka wanita tetapi kerana pemimpin wanita juga setanding dengan pemimpin lelaki dan mampu memikul tanggungjawab dan cabaran. Dengan bilangan ahli wanita yang ramai, saya yakin kita mampu membuat perubahan.

Kita Wanita UMNO mesti berjuang bagi menyerlahkan potensi 13.9 juta orang wanita Malaysia tidak akan terhenti di sini. Saya percaya bahawa **'pelaburan ke atas wanita'** adalah **pelaburan paling bijak** yang dapat memberi pulangan jangka panjang dan berterusan kepada kemakmuran negara.

Pelaburan yang saya maksudkan bukan sahaja dalam bentuk material dan kewangan, malahan meliputi ke semua keperluan utama yang dapat melonjakkan sumbangan wanita terhadap pembangunan negara seperti menambah baik kemudahan kesihatan, meningkatkan peluang pendidikan dan menggalakkan penglibatan wanita dalam aktiviti ekonomi.

Saya amat berbangga kerana **wanita sebagai penjana ekonomi negara** menjadi antara teras terpenting negara dan mendapat perhatian Yang Amat Berhormat Dato' Sri Presiden.

Pelaburan terhadap wanita khususnya dalam keadaan krisis ekonomi global akan mempercepatkan pemulihan ekonomi di samping mengurangkan jurang gender dan kadar kemiskinan.

Pembangunan modal insan wanita bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh atau dipinggirkan. Kegagalan untuk berbuat demikian amatlah merugikan negara. Potensi dan produktiviti wanita dapat digilap lagi dengan sepenuhnya dalam situasi persekitaran yang mesra wanita dan keluarga.

Para hadirin sekalian,

Mengambil kira pemetaan agenda tersebut, saya telah tentukan usaha bagi menentukan perjuangan ke arah sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan dalam parti UMNO diberi perhatian. Bilangan kaum wanita pada tahap sekurang-kurangnya 30% adalah penting kerana:-

- Kewujudan “siling kaca” (glass ceiling) menyebabkan wanita yang berpotensi dan berkelayakan tidak dapat memegang jawatan di peringkat pembuat keputusan. Fenomena ini adalah disebabkan oleh tanggapan bahawa hanya lelaki sahaja yang layak memegang jawatan di peringkat tertinggi dan adalah mustahil bagi wanita untuk berada di peringkat tersebut;

- Isu keseimbangan kerjaya dan keluarga menjejaskan peluang wanita untuk berjaya dalam kerjaya memandangkan wanita masih dianggap sebagai penjaga keluarga yang utama. Ini menyebabkan ramai wanita terpaksa membuat keputusan keluar daripada pasaran pekerjaan atas sebab menjaga anak yang masih kecil dan ahli keluarga yang memerlukan penjagaan; dan
- Kurangnya penonjolan wanita di tempat kerja (invisible woman) walaupun mereka telah berjaya memberi sumbangan kepada organisasi. Pengaruh persekitaran yang membentuk peranan gender juga telah menyebabkan wanita kurang berkeyakinan untuk memegang jawatan yang penting walaupun berkelayakan untuk berada di peringkat pembuat keputusan.

Alhamdulillah akan ada perubahan di dalam struktur UMNO jika cadangan Pindaan Perlembagaan di mana pembabitan wanita akan diurusperdana dan diinstitusikan kepimpinan wanita di dalam UMNO induk, di cawangan, di bahagian dan di peringkat Majlis Tertinggi.

Dahulunya hanya sejumlah lebih kurang 280 perwakilan wanita (terdiri daripada Ketua Pergerakan, Ahli Majlis Tertinggi Wanita, Ketua Wanita Bahagian, Perwakilan 10 dan anggaran 70 orang yang terdiri daripada G7) yang diberi peluang untuk memilih pucuk pimpinan.

Jika cadangan-cadangan pindaan Perlembagaan diterima di dalam Perhimpunan Agung Khas ini kelak, maka peningkatan ketara kepada sekurang-kurangnya 22,500 perwakilan wanita dari peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi akan berpeluang dan diberi tanggungjawab penting untuk bersama-sama kaum bapa memilih pucuk pimpinan parti dan menentukan hala tuju masa hadapan UMNO.

Wanita juga diberi pengiktirafan apabila satu tambahan tempat diberi secara lantikan. Jika dahulu Presiden boleh melantik ahli Majlis Tertinggi seramai 12 orang tetapi kini ia bertambah kepada 13 orang iaitu khusus kepada wanita. Begitu juga di peringkat bahagian daripada 7 orang kepada 8 orang dengan syarat diberikan kepada wanita. Di peringkat cawangan pula daripada 5 orang kepada 6 orang dan turut diberikan kepada wanita.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Presiden, Timbalan Presiden dan barisan ahli jawatankuasa usul yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein Onn selaku Pengerusi Jawatankuasa Pindaan di atas sokongan terhadap syor-syor Pindaan Perlembagaan yang dibawa oleh Wanita UMNO. Walaupun tidak semua cadangan yang dikemukakan diterima namun Wanita UMNO tetap positif kerana ia membuka lembaran dan era baru dalam kepimpinan wanita dalam parti siasah utama negara.

Para hadirin sekalian,

Sejak kepimpinan baru Wanita UMNO mulai Mac 2009, kita menghadapi situasi yang begitu menarik sekali yang memberi kekuatan dalaman kepada kita selaku pemimpin politik.

Untuk UMNO kita menghadapi 6 pilihan raya kecil dalam masa 7 bulan selepas Perhimpunan Agung Mac 2009. Namun begitu kita tidak gentar. Malah kita bersemangat untuk memulakan beberapa program *outreach* yang baru yang akan mendekatkan kita ahli Wanita UMNO di semua peringkat di cawangan, bahagian dan nasional dengan masyarakat dan

pengundi seperti program Jalinan Rakyat dan Program Kebajikan iaitu Projek Sayang. Saya berharap program ini dan program-program lain yang akan dimulakan selepas ini akan didokong dan dihayati oleh ahli-ahli UMNO di seluruh pelusuk negara.

Puan-puan dan tuan-tuan,

Akhir sekali, saya ingin mengajak Wanita UMNO supaya melengkapkan diri dengan ilmu, kepakaran, keyakinan, jati diri dan berdisiplin untuk mengorak langkah dan memimpin regenerasi masyarakat Malaysia. Inilah masa untuk kita tampil ke hadapan, sebagai ibu kepada negara, membuat perubahan yang terbaik untuk nusa dan bangsa.

Wassalam dan Selamat Bersidang.

Regenerasi Masyarakat Malaysia

Satu Tekad Wanita